

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7854**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil kepada pihak “pelampau agama” yang tindakan mereka boleh mengakibatkan ketegangan di kalangan rakyat.**

**JAWAPAN :**

**Tuan yang di-Pertua,**

**‘Pelampau’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tahun 2005 bermaksud orang yang mempunyai fahaman atau kepercayaan yang berlebih-lebihan. Manakala bagi konteks ‘Pelampau Agama’ pula ia merujuk kepada kumpulan yang mempunyai fahaman, pegangan, amalan atau kepercayaan yang melebihi batasan ajaran sesuatu Agama itu sehingga menjurus untuk bertindak menggunakan kekerasan. Perlu diingat bahawa pelampau agama ini tidak semestinya merujuk kepada Agama Islam sahaja bahkan agama-agama lain juga tidak terlepas daripada mempunyai golongan “pelampau agama” ini.**

**Semua pihak juga harus sedar bahawa isu berkaitan pelampau agama di negara ini adalah merupakan isu yang sangat serius. Ini berikutan Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Kesemua elemen ini perlu dipelihara untuk memastikan rakyat boleh terus hidup dengan rukun dan damai serta saling menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Sebarang sentimen yang menyentuh isu keagamaan akan ditangani oleh Kerajaan secara berhemah bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan daripada berlaku.**

**Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:**

- i. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan pendidikan melalui ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama;**
- ii. menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak ini agar saling menghormati di antara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan.**

**Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 telahpun diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lalu. Ini menunjukkan keseriusan Kerajaan di dalam memastikan undang-undang sedia ada khususnya untuk**

**mengekang tindakan-tindakan negatif yang boleh mengakibatkan situasi tegang di kalangan masyarakat sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Sehubungan itu, Kerajaan akanewartakan penguatkuasaannya dalam masa terdekat setelah diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.**